

Menghayati nilai sejarah Islam di Brunei

Oleh Ismail Ahmed
bhvarsiti@bharian.com.my

TANGGUNGJAWAB mahasiswa bukan hanya untuk meraih ilmu semata-mata, sebaliknya berusaha memantapkan pembangunan diri dengan pelbagai kemahiran yang mampu membawa mereka lebih ke depan.

Hakikat itu diakui sekumpulan mahasiswa Program Dakwah dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menganjurkan Program Bakti Dakwah Brunei Darussalam bagi menjana kemahiran insaniah khususnya aspek kepimpinan dan pengurusan kalangan mahasiswa.

Seramai 15 mahasiswa termasuk Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Pengurusan Prestasi, Dr Adanan Mat Junoh menyertai program yang mendapat kerjasama dengan Pusat Dakwah Islamiyah, Brunei Darussalam itu.

Penganjuran program itu bertujuan meningkatkan kemahiran manhaj dakwah, menjejak warisan peninggalan ilmu Islam serta menghayati nilai sejarah Islam di Brunei Darussalam.

Program itu juga akan menjana mahasiswa berilmu, terampil, berakhlak dan berdaya saing.

Kegiatan seperti itu juga akan mengeratkan hubungan serantau antara pusat pengajian tinggi kedua-dua negara dan mempromosi USIM ke Brunei Darussalam.

Dr Adanan berkata, rombongan USIM dibawa menghadiri program sambutan Maulidur Rasul pada hari pertama menjejak kaki di negeri itu dengan menyaksikan pertandingan dikir syarafil anam dan pertandingan lagu dakwah yang berlangsung di Waterfront Tugu 60.

Katanya, rombongan kemudian mengunjungi Kampung Bebuloh yang menempatkan penduduk yang majoritinya baru memeluk Islam, disusuli dengan sesi perbin-

cangan dan kuliah maghrib yang disampaikan mahasiswa USIM, Muhammad Kamil Zainal Abidin.

"Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menjadi lokasi seterusnya lawatan kami ke Brunei dengan mengadakan perbincangan bersama pengurusan kanan universiti dan wakil pemimpin mahasiswa universiti berkenaan.

"Perbincangan berfokus kepada perkongsian idea dan pandangan bagi meningkatkan kualiti pentadbiran dan pembelajaran universiti selain meninjau kemudahan sekitar kampus UNISSA," katanya.

Adanan berkata, peserta Program Bakti Dakwah kemudian mengunjungi Pusat Dakwah Islamiah dan berpeluang berdialog bersama Penolong Pengarah pusat berkenaan, Ustaz Marzuki Abdul Rahman selain menyampaikan kuliah dan bergaul dengan penduduk sekitar Masjid Kampung Mentiri.

"Kemudian mahasiswa USIM mengadakan kem solat bersama



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Program Bakti Dakwah Brunei, Darussalam.

penduduk Kampung Selapon di Temburong bagi menunjukkan cara solat yang betul selain berkongsi persoalan dalam solat.

"Kunjungan kami ke Brunei turut mendapat liputan media tempatan, iaitu Radio Televisyen Brunei," katanya.

Beliau menjelaskan, rombongan kemudian diberi penghormatan menghadiri Majlis Makan Malam bersama Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei yang turut dihadiri pegawai Pusat Dakwah Islamiyah.

"Keesokannya, kami mengadakan lawatan ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan melawat sekitar kawasan kolej. Kami juga mengadakan perbincangan ilmiah dengan Majlis Perwakilan Pelajar kolej universiti itu.

"Kami turut berpeluang melawat Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah milik Sultan Brunei.

"Di situ, kami cukup terpegun melihat keunikan seni bina dan tempat lahirnya cendekiawan Islam seperti Darul Quran di Malaysia," katanya.